

PM - PECAT

1984
KENINGAU, 19 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYEBUT TENTANG ADANYA SEBUAH PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL "YANG MAIN BELAKANG" KERAJAAN DENGAN CUBA MENGGAGALKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN DARU-BARU INI DAN JUGA USAHA KERAJAAN MENJADIKAN LABUAN SEBUAH WILAYAH PERSEKUTUAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MENGEMUKAKAN PERKARA ITU KEPADA UMNO UNTUK DIBAWA KE MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL SUPAYA PARTI BERKENAAN DIPECAT DARI MENJADI ANGGOTA EN-

MENURUTNYA, PEMIMPIN PARTI BERKENAAN CUBA MENGGAGALKAN TINDAKAN KERAJAAN DALAM MENYELESAIKAN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN DENGAN CARA MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN KUMPULAN TERTENTU YANG MENENTANG KERAJAAN 'DALAM XSU ITU UNTUK MEMBAWA KE MAHKAMAH ATAS ALASAN KERAJAAN BERSALAH DALAM MENGEMUKAKAN PINDAAN ITU.

BARU-BARU INI PULA, SEMASA KERAJAAN MEMBUAT PENGUMUMAN BAHAWA LABUAN AKAN MENJADI JAJAHAN WILAYAH PERSEKUTUAN, PARTI BERKENAAN MENGUTIP TANDATANGAN DARI ORANG-ORANG KAMPUNG KONONNYA MEREKA TIDAK BERSETUJU DENGAN KEPUTUSAN KERAJAAN ITU.

"SUNGGUHPUN, PARA PEMIMPIN ITU MELAKUKANNYA SECARA SENYAP-SENYAP KAMI TAHU TINDAKAN MEREKA ITU," TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN KHEMAH KERJA POLITIK ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA BERJAYA, SABAH. KHEMAH KERJA TIGA HARI ITU DISERTAI OLEH 250 ORANG ANGGOTA PEMUDA UMNO, BERJAYA DAN PART-T PESAKA BUMI PUTERASARAWAK, (PBB).

-- LAGI 1850/RAS

PM - PECAT 2 KENINGAU.

+SAYA AKAN MENGEMUKAKAN SEGALA BUTIR-BUTIR LANJUT MENGENAI TINDAKAN ORANG-ORANG INI KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO UNTUK DIBAWA KE MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL SUPAYA PARTI ITU DIPECAT DARI BARISAN NASIONAL + TAMBAHNYA DISAMBUK DENGAN TEPUKAN GEMURUH PARA PESERTA.

KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH KELIHATAN TERSENYUM DAN BERTEPUK TANGAN APABILA PENDEDAHAN ITU DIBUAT.

BERNAMA DIFAHAMKAN PERKARA PEMECATAN ITU AKAN DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO SABTU INI.

+SAYA TIDAK DAPAT NAMAKAN PARTI ITU SEBAB KEPUTUSAN RASMI BELUM DIBUAT DAN JUGA DALAM PENTADBIRAN NEGARA INI KITA BERPEGANG KEPADA PRINSIP UNDANG-UNDANG, + TEGASNYA.

APABILA HADIRIN BERTERIAK + KAMI TAHU SIAPA+, PERPANA MENTERI, YANG JUGA PENGURUS BARISAN NASIONAL, CUMA TERSENYUM SAHAJA.

-- LAGI 1909/MB

NNNN

ICIC 8550

PM - PECAT 3 KENINGAU

BELIAU MEMINTA SEMUA PENYOKONG PARTI ITU YANG MASIH BERPEGANG KEPADA PRINSIP BARISAN NASIONAL SUPAYA KELUAR DARI PARTI TERSEBUT KERANA + IA TIDAK BERGUNA LAGI. +

+SAYA HARAP PENDAPAT SAYA UNTUK MEMECAT PARTI ITU JUGA MERUPAKAN PENDAPAT BARISAN NASIONAL KERANA KITA TIDAK PERLUKAN ORANG SEPERTI INILAGIDALAMBARISAN NASIONAL, + TEGASNYA DISAMBUT DENGAN LAUNGAN +KAMI SOKONG+ OLEH PARA HADIRIN.

+MEREKA INGAT MEREKA BIJAK KERANA MELAKUKAN TINDAKAN ITU SECARA SENYAP-SENYAP TETAP PADA PENDAPAT SAYA MEREKA TIDAK BEGITU BIJAK KERANA SEMASA MEMERINTAH NEGERI PUN MEREKA TUMBANG DAN NEGERI PUN MENJADI TEMPANG. +

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT PEMECATAN PARTI TERSEBUT TIDAK AKAN MENJADISATU KEHILANGAN KEPADA BARISAN NASIONAL KERANA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI SOKONGAN YANG BESAR.

CC: IAU MENJELASKAN SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL HARUS PATUH KEPADA PRINSIP PERJUANGAN PARTI +WALAU PUN TIDAK BEGITU SETUJU DENGAN TINDAKAN SEBUAH PARTI LAIN, MEREKA HARUS MENYOKONG SECARA KONSESUS. + -- LAGI 1910/MB

PM - PECAT 4 KENINGAU

+TIDAK ADA MASALAH YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN JIKA SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL BERSATU DAN MENJAMIN KEUTUHAN PARTI. +

+PARTI-PARTI KOMPONEN MESTI TERIMA PRINSIP DAN PERJUANGAN PARTI DAN YANG TIDAK SOKONG HARUSLAH DISINGKIRKAN. KITA PERLU MEMELIHARA BUNDA RIFADA SEBARANG TINDAK-TANDUK YANG MELEMAHKAN PARTI, + TAMBAHNYA.

OLEH YANG DEMIKIAN, JELAS PERDANA MENTERI, SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL HENDAKLAH SANGGUP MEMBELAKANCKAN KEPENTINGAN PARTI DOKONGAN Masing-masing TETAPI SEBALIKNYA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN BN PADA KESELURUHANNYA.

BELIAU JUGAMENGULANGI PERLU NYA KESTABILAN PARTI DAN NEGARA DIJAGA SINGGUHPUN NEGARA MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI YANG MEMBERI KEBEBASAN KEPADA RAKYATNYA MEMILIH PEMIMPIN YANG DISUKAI MEREKA.

-- LAGI 1915/MB

NNNN

ZCZC 8652

PM - PECAT 5 KENINGAU

+MEREKA HENDAKLAH BERHATI-HATI TERHADAP PEMIMPIN YANG CUMA HENDAK MENDEPAK TAMPAT DAN MEMBUAT JANJI MANIS UNTUK MEMBWA KEBAIKKAN KEPADA RAKYAT SEDANGKAN MEREKA TIDAK JUJUR. +

+KITA MESTI PANDAI MEMILIH PEMIMPIN YANG BOLEH MEMBERI LAYANAN DAN MELAKSANAKAN KEHENDAK RAKYAT DAN JANGAN TERSALAH MEMILIH PEMIMPIN YANG CUMA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI SAHAJA KERANA JIKA ITU BERLAKU RAKYAT YANG MENERIMA AKIBATNYA. +

PERDANA MENTERI BERKATA SESEORANG PEMIMPIN JUGA MESTI BERANI MEMBUAT KEPUTUSAN YANG MEMBUATNYA TIDAK POPULAR DI KALANGAN RAKYAT KERANA MENURUTNYA ADALAH MUSTAHIL SEMUA KEPUTUSAN ITU DAPAT MEMUASKAN HATI SEMUA PIHAK.

KATANYA BARISAN NASIONAL ADALAH SATU PARTI YANG UNIK DAN SINGGUHPUN MUNGKIN ADA MEMBUAT KEPUTUSAN YANG MEMBUATNYA TIDAK POPULAR TETAPI IMA MASIH MENJADI PARTI KEPERCAYAAN RAKYAT DAN BERJAYA MENGUKUHKAN KESTABILAN POLITIK NEGARA. -- BERNAMA 1920/MB